



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK DR. KAMARUDIN BIN MIN

PENGARAH INTAN

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN INTAN BULAN JUN

TAHUN 2021 BERTEMAKAN

**“SAVE THE RAINFORESTS:
THE FUTURE IS IN OUR HANDS”**

22 JUN 2021 (SELASA)

9.00 PAGI

AUDITORIUM

KAMPUS UTAMA BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**Yang Berusaha Puan Salinah binti Ismail, Timbalan
Pengarah Kanan INTAN,**

**Yang Berusaha Dr. Jasmine Edmund Andrew,
Ketua Kluster Penyelidikan Pembangunan dan
Dasar,**

Ketua-ketua Kluster,

Felo-felo Penyelidik Kanan INTAN,

Pengarah-pengarah INTAN Kampus Wilayah,

**Tuan-tuan dan puan-puan warga INTAN yang saya
kasihi sekalian.**

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita dapat bersemuka sekali lagi bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan INTAN bulan Jun tahun 2021 pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kluster Penyelidikan Pembangunan dan Dasar yang berjaya menganjurkan majlis ini secara norma baharu. Seterusnya saya memanjangkan ucapan terima kasih kepada semua warga INTAN yang hadir secara maya atau dalam talian untuk menjayakan perhimpunan kita kali ini termasuk mereka yang berada di kampus-kampus wilayah. Memandangkan masalah pandemik Covid-19 masih lagi berlarutan dan jangkitan harian semakin hari semakin

meningkat di samping memberi impak yang besar kepada sistem kesihatan kita, Kerajaan terpaksa melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara selama 14 hari, bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021. Saya menyeru agar seluruh warga INTAN mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengurangkan kadar penyebaran virus ini.

- 3. *In a way, I'm a bit sad and heavy hearted that* Majlis Perhimpunan kali ini merupakan Majlis saya yang terakhir selaku Pengarah INTAN untuk bersua wajah dengan semua warga INTAN, lebih-lebih lagi hanya secara maya sahaja. Ini kerana, alam persaraan saya akan bermula pada bulan Julai ini selepas berkhidmat dengan Kerajaan selama hampir 32 tahun. Saya khuatir, mungkin kita tidak sempat berhimpun secara fizikal seperti perhimpunan-**

perhimpunan sebelum ini dalam masa terdekat ini.

Hadirin sekalian,

Pengenalan Tema Perhimpunan

4. Tema perhimpunan kita kali ini amat unik, menarik dan berbeza daripada tema-tema sebelum ini. Kali ini kita menyentuh mengenai pemeliharaan Alam Sekitar (*perserving the enviroment*) dalam konteks ‘Green Revolution’. *Like the saying “Keep the Earth green and clean, for me and you. The future is in our hands”.*

5. Mungkin ramai di antara sekalian tertanya-tanya apa kaitan tema kali ini dengan kita di INTAN dan sebagai penjawat awam. Hari ini, iaitu 22 Jun merupakan *World Rainforest Day*. Walaupun International Day of Forests (IDF) disambut pada setiap 21 Mac sebagaimana dideklarasikan oleh

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bawah United Nations Forum on Forests and the Food and Agriculture Organization (FAO), The World Rainforest Day pada 22 Jun mula disambut sejak tahun 2017 setelah diperkenalkan oleh sebuah Pertubuhan Antarabangsa Bukan Kerajaan dikenali sebagai Rainforest Partnership bertempat di Austin, Texas, Amerika Syarikat bertujuan untuk memelihara hutan hujan di Amazon. Ini adalah kerana hampir 20 peratus oksigen kita untuk bernafas dan air yang kita minum berpunca daripada hutan Amazon. Pada asasnya hutan hujan ini memainkan peranan yang amat penting bagi dunia, iaitu ianya menyerap karbon dioksida, menstabilkan corak perubahan cuaca bagi hampir separuh hutan dan pelbagai kehidupan liar di dunia.

- 5. Pemilihan tema sebegini amat sesuai dan memberi peringatan kepada kita betapa pentingnya pemeliharaan alam sekitar menjamin**

mutu kehidupan kita. Misalnya, data menunjukkan sebuah pokok dalam jangka hayat 50 tahun mampu menghasilkan 6,000 pound gas oksigen. Hampir 1.6 bilion orang seluruh dunia bergantung pada hutan untuk kehidupan harian mereka. Hutan berkait rapat dengan perubahan cuaca dunia. Untuk makluman semua, kawasan hutan rimba merangkumi lebih daripada separuh kawasan seluruh negara Malaysia walaupun negara sedang melalui pembangunan pesat. Pada tahun 2019, sebanyak 55.3 peratus atau 18.28 juta hektar, adalah kawasan berhutan. Daripada keluasan tersebut, sejumlah 14,467,994 hektar merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal. Dalam hal ini Kerajaan Malaysia komited untuk terus memelihara khazanah ini, apatah lagi kepelbagaian bio atau *biodiversity* yang terdapat dalam kawasan-kawasan hutan tersebut.

6. Penebangan hutan menyumbang hampir 11 peratus pelepasan gas hijau sedunia (global greenhouse gas emission). Keadaan ini sudah tentu menimbulkan masalah *global warming* (peningkatan suhu dunia) jika hutan hujan tidak dipelihara dan dikawal dengan berkesan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan bahawa dunia sedang menuju ke arah peningkatan suhu yang dahsyat abad ini dengan 2020 direkodkan sebagai tahun terpanas mengatasi 2016. Suhu global secara purata pada 2020 ialah kita-kira 14.9 darjah Celcius (C), iaitu 1.2 C lebih tinggi berbanding ketika fasa praindustri pada 1850 hingga 1900. Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) pula mengesahkan 2020 menjadi antara tahun terpanas dalam sejarah adalah satu lagi peringatan kuat mengenai keadaan perubahan iklim yang tiada henti. Sudah tentu keadaan sebegini akan memberi kesan terhadap kehidupan dan nyawa di seluruh bumi. Hari ini, kita berada pada suhu 1.2 C kepanasan dan sudah dapat

menyaksikan cuaca luar biasa yang ekstrem di setiap rantau dan benua. Memikirkan keadaan semasa dan generasi akan datang, adalah tanggungjawab kita agar "predatory attitude" terhadap alam kita perlu berhenti dengan serta merta.

8. Salah satu pendekatan terbaik dan mudah kita dapat melaksanakan bersama ialah dengan menambahkan keadaan hijau di sekeliling kita. Penanaman pokok-pokok yang sesuai di kawasan kediaman kita dan di persekitaran tempat kerja kita sedikit sebanyak akan membantu kesan sampingan *global warming* tersebut. Umum mengetahui akan persekitaran hijau yang terdapat di semua kampus-kampus INTAN terutama kampus Bukit Kiara. Inisiatif ini sewajarnya diteruskan agar bukan sahaja 'Green Revoution' di INTAN akan sentiasa dipelihara, malah pokok-pokok di kampus-kampus INTAN dapat menyumbang kepada peningkatan

kadar oksigen dalam udara, menyumbang kepada pengurangan masalah *global warming* dan seterusnya menyumbang secara keseluruhannya kepada kesejahteraan negara.

9. Dalam keadaan memerangi pandemik Covid-19, pemeliharaan alam sekeliling yang bersih dan nyaman harus juga diberi keutamaan. Udara yang kotor dan tercemar sudah tentu tidak memberi oksigen yang bersih untuk paru-paru kita dan lambat laun melemahkan sistem imunisasi kita.

10. Biarpun usaha pengambilan ubat-ubatan moden dan vaksinasi diteruskan secara drastik bagi membendung pandemik ini, kita masih memerlukan sokongan alam semulajadi. Sesungguhnya, kehidupan manusia tidak boleh terkeluar daripada putaran alam sekitar. Malah ia perlu selaras dan seimbang bagi membina kehidupan yang sihat.

Warga INTAN yang saya kasihi,

**PERKUKUHKAN SISTEM PENYAMPAIAN
KERAJAAN**

11. Pada Perhimpunan kali ini, saya ingin mengambil kesempatan mengambil iktibar saranan KPPA semasa perhimpunan bulanan JPA pada 27 Mei 2021 yang lalu. Beliau telah menegur agar sikap sambil lewa penjawat awam ketika menjalankan tugas perlu dihentikan dengan serta merta.

12. Beliau menaruh harapan tinggi semangat berkhidmat untuk negara dan rakyat terpahat dalam sanubari penjawat awam dan seharusnya turunkan ego untuk berjuang bersama dengan rakyat. Beliau terkilan terdapat penjawat awam yang bekerja sambil lewa, tidak membantu dan berada di takuk yang lama dan hanya mengharap kenaikan pangkat yang lebih tinggi. Beliau menarik perhatian bahawa setahun selepas mulanya penularan COVID-

19, penjawat awam perlu lebih menghargai akan kedudukan mereka kerana mereka ini tidak terkesan, masih ada gaji dan elaun yang masuk seperti biasa namun mereka tidak hargai apa yang diberikan.

13. Kita di INTAN sepatutnya mempamerkan contoh terbaik dan membantu dalam mencapai hasrat dan harapan Kerajaan mengharungi krisis ini. Kursus dan latihan yang kita kendalikan perlu menerapkan sahsiah yang tinggi dan elemen-elemen kepimpinan selaras dengan perubahan masa, disamping meningkatkan keilmuan dan kebolehpayaan penjawat awam menjalankan tugas mereka agar ekonomi dan kesejahteraan negara terus dapat diperlihara dan ditingkatkan. Dalam keadaan inilah, peranan INTAN amat penting bagi memastikan penjawat awam sentiasa siapsiaga dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugas dengan pada tahap yang diperlukan.

PENUTUP

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan dan komitmen dalam menjayakan perhimpunan pada pagi ini. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh Warga INTAN atas segala kerjasama dan bantuan yang telah dihulurkan sepanjang saya berkhidmat sebagai Pengarah INTAN. Tanpa sokongan padu semua, sudah tentu sukar bagi saya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada saya. Lebih lebih lagi cabarannya cukup hebat sejak pandemik Covid-19 bermula lebih setahun setengah dahulu. Saya amat menghargai dan akan mengingati anda semua.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**